

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
(DALAM BAHAGIAN RAYUAN DAN KUASA-KUASA KHAS)
PERMOHONAN UNTUK SEMAKAN KEHAKIMAN NO : _____ 2016**

Dalam perkara Perlembagaan Persekutuan

Dan

Dalam perkara Akta Rahsia Rasmi, 1972

Dan

Dalam perkara Akta Audit, 1957

Dan

Dalam perkara Akta Mahkamah Kehakiman, 1964

Dan

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah, 2012

Dan

Dalam perkara keputusan Ketua Audit Negara untuk mengelaskan Laporan Ketua Audit Negara ke atas 1Malaysia Development Berhad, sebagai suatu rahsia rasmi menurut Akta Rahsia Rasmi, 1972

Dan

Dalam perkara pendedahan Laporan Ketua Audit Negara ke atas 1Malaysia Development Berhad oleh Sarawak Report dari 6-7-2016 ke 30-7-2016

ANTARA

DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN AL

...PEMOHON

DAN

1. DATO' SRI HAJI MOHAMMAD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
2. TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG
3. KERAJAAN MALAYSIA

...RESPONDEN-RESPONDEN

PENYATAAN YANG DIFAILKAN MENURUT

ATURAN 53 KAEDAH 3(2) KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH, 2012

(i) PEMOHON

1. Pemohon adalah Menteri Besar Negeri Selangor ("Menteri Besar"), seorang Ahli Parlimen bagi kawasan Gombak dan seorang ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, dan juga seorang Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat dalam pembangkang persekutuan, gabungan Pakatan Harapan yang membawa permohonan ini bagi pengundinya dan rakyat Malaysia.

(ii) RESPONDEN-RESPONDEN

2. Responden Pertama adalah pada semua masa material, Perdana Menteri Malaysia, Menteri Kewangan, dan Ahli Parlimen bagi kawasan Pekan. Dalam memegang jawatan-jawatan ini, Responden Pertama adalah seorang pegawai badan awam dalam maksud Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2009 dan/atau seorang pejawat awam dalam maksud Seksyen 2(i) Kanun Keseksaan. Bagi tujuan Akta Rahsia Rasmi, 1972 ("OSA"), Responden Pertama adalah 'Menteri' yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan suatu perakuan di bawah Seksyen 2B OSA.
3. Responden Ke-2 adalah Ketua Audit Negara Malaysia ("Ketua Audit Negara") dan adalah ketua Jabatan Audit Negara ("NAD"). Responden Ke-2 dilantik

oleh Yang Di-Pertuan Agong menurut Perkara 105 Perlembagaan Persekutuan, dan mempunyai kewajipan perlembagaan untuk menjalankan audit-audit bebas (*independent audits*) ke atas akaun-akaun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun di samping aktiviti-aktiviti Kementerian, jabatan-jabatan, agensi-agensi dan syarikat-syarikat di bawah Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ketua Audit Negara diharapkan untuk bertindak secara bebas (*independent*) dan adalah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk bertindak secara bebas dan adil dalam audit Laporan Ketua Audit Negaranya.

4. Responden Ke-3 adalah Kerajaan Malaysia.

(iii) ALASAN-ALASAN PERMOHONAN

5. Pada 3-3-2016, Responden Ke-2 telah mengelaskan (*classified*) audit persekutuannya ke atas 1Malaysia Development Berhad ("1MDB") sebagai suatu 'rahsia rasmi' menurut Seksyen 2B OSA.
6. Antara 6-7-2016 dan 30-7-2016, Laporan 1MDB tersebut telah diterbitkan *online* oleh Sarawak Report, dan dengan itu, telah memasuki domain awam dan telah memusnahkan asas untuk kerahsiaan yang berterusan.

(iv) RELIF YANG DIPOHON

7. Pemohon memohon untuk kebenaran untuk memulakan prosiding di bawah Aturan 53 Kaedah 2 dan 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah, 2012 untuk relif-relif yang berikut :-

- (i) Suatu Deklarasi bahawa Responden Pertama telah bertindak dalam konflik kepentingan dalam pengeluaran suatu perakuan di bawah Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi, 1972 ("OSA") kepada Responden Ke-2 dengan mengarahkannya untuk mengelaskan (*classify*) laporannya ke atas 1Malaysia Development Berhad ("Laporan 1MDB tersebut"), sebagai suatu "*rahsia rasmi*";
- (ii) Suatu Deklarasi bahawa pengelasan (*classification*) oleh Responden Ke-2 ke atas Laporan 1MDB sebagai "*rahsia rasmi*" menurut OSA adalah menyalahi undang-undang dan *ultra vires* Perlembagaan Persekutuan, OSA dan/atau Akta Audit, 1957; dan
- (iii) Suatu Perintah *Mandamus* untuk memaksa Responden-Responden, pekerja-pekerja, pegawai-pegawai, ejen-ejenya mereka ataupun dengan apa jua cara, untuk mengelaskan semula (*declassify*) Laporan 1MDB tersebut menurut Seksyen 2C OSA, 1972 dengan serta-merta dan kemudiannya menyiarkannya kepada orang ramai.


(v) **ALASAN-ALASAN UNTUK RELIF YANG DIPOHON**

8. Alasan-alasan di mana relif-relif yang dipohon adalah seperti berikut:-
- (1) Keputusan tersebut adalah tidak berperlembagaan iaitu ianya telah dibuat dalam pelanggaran Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan;
 - (2) Keputusan tersebut telah menyebabkan penggunaan oleh Pemohon hak asasi kebebasan bercakap dan bersuara dan hak-hak lain di bawah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan tidak berkesan atau maya, dan akibatnya adalah tidak berperlembagaan;
 - (3) Keputusan tersebut adalah *ultra vires* Seksyen-Seksyen 8(4) dan 9 Akta Audit, 1957;
 - (4) Keputusan tersebut adalah *ultra vires* Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi, 1972;
 - (5) Keputusan tersebut telah dibuat oleh Responden Pertama yang telah bertindak sebagai hakim dalam kausanya sendiri dan oleh itu, dalam pelanggaran prinsip keadilan asasi dan/atau dalam konflik kepentingan, dan dengan ini menyebabkan keputusan tersebut terbatal;

- (6) Secara alternatif, jika keputusan tersebut telah dibuat oleh Responden Ke-2, beliau telah bertindak tanpa kuasa berdasarkan doktrin "*delegatus non potest delegare*", dan akibatnya menyebabkan keputusan tersebut terbatal;
- (7) Responden-Responden tersebut telah mengambil kira pertimbangan yang tidak relevan dalam mencapai keputusan tersebut, iaitu bahawa, Laporan 1MDB tidak patut diedarkan kepada Ahli-Ahli Parlimen dan kemudiannya ke domain awam hanya kerana Laporan tersebut mengandungi perkara-perkara yang kritikal terhadap Responden Pertama, dan sahabat-sahabatnya;
- (8) Responden-Responden tersebut telah mempedulikan suatu pertimbangan yang relevan dalam kegagalan untuk mengelas semula (*de/classify*) Laporan 1MDB, iaitu, bahawa ia telah memasuki domain awam sejak 7^{hb} Julai 2016, dan dengan ini telah memusnahkan asas untuk kerahsiaan yang berterusan; dan

- (9) Bahawa Responden-Responden tersebut bertindak dengan tidak munasabah bahawa tiada pembuat-keputusan yang munasabah akan bertindak dengan cara yang sama: oleh itu berdasarkan "*Wednesbury unreasonableness*", keputusan tersebut adalah terbatal.

Bertarikh 15 haribulan Ogos, 2016.



.....
Peguamcara bagi Permohon

Penyataan ini difailkan oleh Tetuan Tommy Thomas yang mempunyai alamat penyampaian di 101, Jalan Ara, Bangsar Baru, Bangsar, 59100 Kuala Lumpur (Tel: 03-2287 3540) (Faks: 03-2284 8892)

TERJEMAHAN (TRANSLATION)

IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT KUALA LUMPUR
(APPELLATE AND SPECIAL POWERS DIVISION)
APPLICATION FOR JUDICIAL REVIEW NO. 2016

In the matter of the Federal Constitution

And

In the matter of the Official Secrets Act, 1972

And

In the matter of the Audit Act, 1957

And

In the matter of the Courts of Judicature Act, 1964

And

In the matter of Order 53 of the Rules of Court, 2012

And

In the matter of the decision of the Auditor General to classify the Auditor General's Report on 1Malaysia Development Berhad an official secret pursuant to the Official Secrets Act, 1972

And

In the matter of the disclosure of the Auditor General's Report on 1Malaysia Development Berhad by Sarawak Report from 6-7-2016 to 30-7-2016

BETWEEN

DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI

...APPLICANT

AND

1. DATO' SRI HAJI MOHAMMAD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

2. TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG

3. GOVERNMENT OF MALAYSIA

...RESPONDENTS

**STATEMENT FILED PURSUANT TO
ORDER 53 RULE 3(2) OF THE RULES OF COURT, 2012**

(i) APPLICANT

1. The Applicant is the Chief Minister of the State of Selangor (“Menteri Besar”), a Member of Parliament for the constituency of Gombak and Selangor State Legislative Assembly, and also a deputy president of Parti Keadilan Rakyat in the federal opposition Pakatan Harapan coalition who brings this application on behalf of his constituents and the citizens of Malaysia.

(ii) RESPONDENTS

2. The 1st Respondent is and was at all material times the Prime Minister of Malaysia, the Minister of Finance, the Member of Parliament for the Pekan Constituency. In occupying these positions, the 1st Respondent is an officer of a public body within the meaning of Section 3 of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act, 2009 and/or a public servant within the meaning of Section 21(i) of the Penal Code. For the purposes of the Official Secrets Act, 1972 (“OSA”), the 1st Respondent is the relevant ‘Minister’ responsible for issuing a certificate under Section 2B of the OSA.
3. The 2nd Respondent is the Auditor General of Malaysia (“the Auditor General”) and the head of the National Audit Department (“NAD”). The 2nd Respondent was appointed by the Yang Di-Pertuan Agong pursuant to Article 105 of the Federal Constitution, with the constitutional duty of conducting independent

audits on the accounts of the Federal Government, State Government and Federal statutory bodies as well as the activities of the Ministry, departments, agencies and companies under the Federal and State Government. The Auditor General is intended to be independent and is entrusted with a duty to act freely and fairly and is responsible for the auditing of the Auditor General's report.

4. The 3rd Respondent is the Government of Malaysia.

(iii) GROUND OF APPLICATION

5. On 3-3-2016, the 2nd Respondent classified its federal audit on 1Malaysia Development Berhad ("1MDB") as an 'official secret' pursuant to Section 2B of the OSA.
6. Between 6-7-2016 and 3E0-7-2016, the 1MDB Report was posted online by Sarawak Report thereby entering the public domain and destroying the basis for any continued confidentiality.

(iv) RELIEF SOUGHT

6. The Applicant seek leave to commence proceedings under Order 53 Rules 2 and 3 of the Rules of Court, 2012 for the following relief :-
 - (i) A Declaration that the 1st Respondent acted in conflict of interest in issuing a certificate under Section 2B of the Official Secrets Act, 1972

(“OSA”) to the 2nd Respondent directing the latter to classify his report on 1Malaysia Development Berhad (“the 1MDB Report”), as an “*official secret*”;

- (ii) A Declaration that the classification by the 2nd Respondent of the 1MDB Report as an “*official secret*” under the OSA was unlawful and *ultra vires* the Federal Constitution, the OSA and/or the Audit Act, 1957; and
- (iii) An Order of Mandamus compelling the Respondents, their servants, officers, agents or otherwise howsoever to forthwith declassify the 1MDB Report pursuant to Section 2C of the Official Secrets Act, 1972, and thereafter to release it to the public.

(v) **GROUND FOR RELIEF CLAIMED**


7. The grounds upon which such relief are sought are as follows:-

- (1) The decision is unconstitutional in that it was made in breach of Article 107 of the Federal Constitution;
- (2) The decision renders ineffective or illusory the exercise by the Applicant of his fundamental right of free speech and expression and other rights under Part II of the Federal Constitution, and in consequence is unconstitutional;

- (3) The decision is *ultra vires* Sections 8(4) and 9 of the *Audit Act, 1957*;
- (4) The decision is *ultra vires* Section 2B of the *Official Secret Act, 1972*;
- (5) The decision was made by the 1st Respondent who acted as a judge in his own cause and therefore in breach of the principles of natural justice and/or in conflict of interest, thereby rendering the decision a nullity;
- (6) Alternatively, if the decision was made by the 2nd Respondent, he acted without authority by the doctrine of "*delegatus non potest delegare*", thereby rendering the decision a nullity;
- (7) The Respondents took into account an irrelevant consideration when reaching the decision, namely, that the 1MDB Report should not first be distributed to Members of Parliament and then subsequently into the public domain solely because the Report contained matters critical of the 1st Respondent, and his close associates;
- (8) The Respondents disregarded a relevant consideration in failing to declassify the 1MDB Report, namely, that it has entered the public domain since 7th July 2016, thereby destroying the basis for any continued confidentiality; and

- (9) That the Respondents acted so unreasonably that no reasonable decision-maker would have acted in like manner: in consequence by "*Wednesbury unreasonableness*" the decision is a nullity.

Dated this 15th day of August, 2016



.....
Solicitors for the Applicant

This Statement is filed by Messrs Tommy Thomas whose address of service is 101, Jalan Ara, Bangsar Baru, Bangsar, 59100 Kuala Lumpur (Tel: 03-2287 3540) (Fax: 03-2284 8892)